

## BAB V

### RUMUSAN DAN SARANAN

#### 5.1 Rumusan

Pada hakikatnya, perancang keluarga telah wujud di dalam sejarah peradaban manusia sejak berkurun-kurun yang lampau. Walau pun pada awalnya aspek perancang keluarga tidak begitu dihiraukan, namun perubahan era dan situasi sedikit demi sedikit telah mengajak manusia memprihatinkan hal tersebut. Di abad moden ke 20 ini, minat untuk merancang keluarga nampak amat nyata selepas berlakunya Perang Dunia Pertama. Sehingga ke hari ini, aktiviti perancang keluarga telah berkembang ke serata dunia.

Sebenarnya perancang keluarga bukanlah suatu perkara yang asing kepada Islam itu sendiri. Sebagai agama fitrah, Islam telah memberikan garis panduan kepada manusia dalam menangani seluruh aspek kehidupannya. Dengan bersumberkan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w., para fuqaha yang terdahulu telahpun membahaskan perihal perancang keluarga meskipun tidak secara mendetail. Apa yang ketara, pendapat yang masyhur di kalangan fuqaha menyatakan bahawa perbuatan merancang keluarga adalah dibolehkan.

Dizaman mutakhir ini, timbul semula perbahasan tentang isu perancang keluarga di kalangan alim-ulama khasnya. Hal ini berlaku berikutan tersebarinya konsep dan cara perancang keluarga ala Barat di kalangan negara dan umat Islam. Bagaimanapun, para ulama telah

memutuskan bahawa perancang keluarga adalah harus tetapi dengan syarat tidak mengandungi unsur pengguguran dan pemandulan kecuali di bawah keadaan darurat.

Perancang keluarga tidak seharusnya dilakukan tanpa sebarang alasan yang munasabah di sisi syarak kerana hakikatnya perancang keluarga adalah suatu alternatif bagi meringankan beban dan kemudaratan individu yang terbabit sahaja. Di samping itu, perancang keluarga juga tidak seharusnya dilakukan tanpa mengambil kira cara perlaksanaannya. Dalam konteks ini, Islam meletakkan niat (alasan) dan cara perlaksanaan itu sebagai kayu ukur sama ada sesuatu perbuatan merancang keluarga itu diterima atau sebaliknya.

Seperti kebanyakan hal yang lain, aktiviti perancang keluarga juga telah menimbulkan tindakbalas dan reaksi yang pro dan kontra di kalangan masyarakat Islam. Namun apa yang ketara, dewasa ini kebanyakan orang telah mula menunjukkan minat yang positif terhadap perancang keluarga. Dalam hubungan ini, nampaknya generasi ibu-ibu yang mudalah yang lebih cenderung untuk merancang keluarga berbanding generasi ibu yang agak berumur.

Bagi kebanyakan mereka yang terlibat, perancang keluarga nampaknya telah diamalkan dengan wajar, selaras dengan nilai-nilai syariat Islam. Sebagai orang Islam, tentunya kita merasa gembira melihat masyarakat masih beriltizam dengan nilai-nilai Islam seka-

lipun zaman ini telah dipengaruhi oleh arus perancang keluarga Bharat yang mementingkan ciri-ciri kebendaan dan keseronokan peribadi seseorang individu lebih daripada kepentingan agama dan kemaslahatan masyarakat.

Namun apa yang agak mendukacitakan, terdapat juga sebilangan kecil di kalangan masyarakat Islam yang telah meyimpang dari landasan perancang keluarga menurut kacamata Islam. Walau macam manapun, penulis percaya bahawa hal itu terjadi bukanlah semata-mata disebabkan oleh tuntunan nafsu bahkan ianya mungkin berpunca daripada kejahilan agama mereka yang berkenaan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memberikan penjelasan yang betul berhubung perancang keluarga kepada masyarakat Islam. Semoga dengan itu, sebarang tindak-tanduk perancangan keluarga yang beranggah dengan nilai-nilai Islam dapat dihapuskan.

## 5.2 Saranan

- 1- Masyarakat umum hendaklah diberikan pemahaman dan penjelasan mendalam tentang sikap Islam terhadap perancang keluarga. Ini perlu memandangkan ada sesetengah pihak yang bersikap terlalu negatif dan menolak bulat-bulat perancang keluarga semata-mata kerana menyangka bahawa perbuatan merancang keluarga adalah halam, berdosa dan tidak Islamik. Dalam konteks ini, adalah suatu yang agak malang jika ibu-ibu yang dari segi kondisinya tidak layak untuk hamil hanya berserah kepada nasib tanpa berusaha samasekali merancang keluarga. Perbuatan mereka ini tidak ubah seperti sengaja menempah bahaya dan kebinasaan walhal Islam tidak menyuruh mereka berbuat demikian.

Dalam hubungan ini, Al-Quran ada menggambarkan bahawa jarak kelahiran yang dianggap ideal sekurang-kurangnya adalah  $2\frac{1}{2}$  tahun ( 30 bulan ) - bagi mereka yang ingin berbuat demikian. Firman Allah Taala dalam ayat 15, surah Al-Ahqaf yang bermaksud : " Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tigapuluh bulan! " Dalam surah Al-Baqarah ayat 233 pula Allah berfirman, maksudnya : " Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi yang hendak menyempurnakan penyusuan itu." Jika kedua-dua ayat tersebut dihubungkan, kita akan dapati bahawa tempoh mengandung yang paling

singkat adalah 6 bulan iaitu 30 bulan ( tempoh mengandung - tempoh menceraikan susu ) tolak 24 bulan ( tempoh penyusuan penuh ). Justeru itu jika tempoh penyusuan penuh dicampur dengan tempoh mengandung yang biasa ( 9 bulan ) maka jarak yang sebaiknya antara kelahiran adalah 33 bulan.


- 2- Bagi mereka yang ingin mengamalkan perancang keluarga, suka disarankan supaya mereka bersikap cermat dan teliti dengan membuat penilaian diri dan pertimbangan risiko sebelum memilih sebarang kaedah perancangan keluarga. Ini kerana pada hakikatnya, tidak ada kaedah perancang keluarga yang bersifat unggul, benar-benar selamat serta sesuai digunakan oleh semua orang. Dalam konteks ini, kaedah yang paling sesuai bagi seseorang adalah kaedah yang paling kecil kemudaratannya kepada beliau.
- 3- Pasangan suami-isteri tidak sewajarnya mengamalkan perancang keluarga dengan maksud menjarangkan satu-satu kelahiran dengan yang berikutnya bagi jangkamasa yang terlalu panjang, misalnya lebih daripada 5 tahun jika keadaan tidak benar-benar memerlukan mereka berbuat demikian. Dalam konteks ini, ia membawa implikasi bahawa bilangan anak yang bakal dilahirkan oleh seseorang ibu dalam jangkamasa yang ia boleh melahirkan adalah terlalu kecil. Patut disedari bahawa anak-anak merupakan satu asset yang besar kepada ibubapa malah setiap anak yang dilahirkan lazimnya akan memberikan pulangan yang

lebih besar di masa hadapan jika dibandingkan dengan apa yang mereka perolehi daripada ibubapa .

- 4- Ibubapa tidak sepatutnya hanya pandai melahirkan anak atau sebaliknya hanya pandai merancang kelahiran kemudian mengabaikan tanggungjawab yang besar terhadap anak-anak. Apa yang lebih penting, ibubapa haruslah merancang masa depan anak-anak dengan memberikan mereka pendidikan rohani, jasmani dan mental dengan sebaik mungkin.
- 5- Pihak berwajib tidak seharusnya menggunakan platform perancang keluarga sebagai jalan mudah untuk sampai kepada cita-cita meningkatkan taraf hidup dan membasmi kemiskinan masyarakat umum khasnya penduduk luar bandar yang kebanyakannya berpendapatan rendah. Faktor ramai anak bukanlah satu-satunya punca kemiskinan malah banyak faktor-faktor lain yang mendorong hal ini terus berlaku, misalnya daya produktiviti yang rendah, mentaliti yang mundur, kepincangan dalam sistem agihan ekonomi, kurangnya tanggungjawab kemasyarakatan di kalangan mereka yang berada dan sebagainya. Oleh itu, adalah lebih baik jika pihak berwajib menanamkan inisiatif untuk maju, memberikan insentif dan menggalakkan motivasi tekun bekerja di kalangan masyarakat. Di samping itu, pihak berwajib juga patut mengkaji semula dasar-dasar lain yang bersangkutan.

Demikianlah sedikit-sebanyak saranan yang dapat penulis utarakan berhubung masalah perancang keluarga. Adalah menjadi harapan penulis agar saranan-saranan tersebut dapat diperhati dan seterusnya dipraktikkan oleh semua pihak demi kebaikan diri dan keluarga masing-masing khasnya dan demi kemaslahatan seluruh masyarakat Islam amnya.

WALLAHU 'A' LAM



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY.

MICROFILM

01 MMG